



Keadaan Sungai Klang berhampiran Stesen LRT Masjid Jamek.

(Foto ihsan pembaca)

(8 Mac 2022) Berita Harian p.19

Lembah Klang dilanda banjir kilat

Jalan raya terputus hubungan akibat ditenggelami air selepas hujan lebat sejak jam 3 petang

Oleh Mahani Ishak dan Faris Puad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hujan lebat yang berterusan lebih dua jam mulai 3 petang, menyebabkan banyak kawasan sekitar Lembah Klang, termasuk ibu kota ini, dilanda banjir kilat.

Banjir kilat itu menyebabkan ribuan kenderaan ditenggelami banjir, sama ada di tempat terbuka atau berada ruang parkir bawah bangunan.

Lebuhraya dan jalan raya sekitar ibu kota yang terputus hubungan akibat ditenggelami banjir juga menyebabkan kesesakan teruk berlaku.

Susulan banjir kilat yang melanda, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kementerian dan agensi berkaitan sudah diarah mengambil langkah segera memastikan keselamatan Keluarga Malaysia.

Masa sama, beliau menasihati orang ramai agar mengelak daripada melalui kawasan banjir kilat dan berhati-hati memandu ketika hujan.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berkata, antara kawasan dinaiki air termasuk sekitar Balai Polis Dang Wangi

membabitkan Jalan Sultan Ismail/Jalan Ampang, Jalan Leboh Ampang, Jalan Raja Laut dan Jalan Kia Peng/Jalan Raja Chulan.

NADMA berkata, sungai melepasi paras amaran pula di Sentul-Sungai Batu, Jambatan Sulaiman-Sungai Klang, Lebuhraya Pasar-Sungai Klang dan Jalan Parlimen-Sungai Gombak, manakala sungai melepasi aras bahaya membabitkan Jalan Tun Razak-Sungai Gombak.

"Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir pada jam 1.35 tengah hari semalam, di mana hujan lebat dan angin kencang dijangka di Selangor membabitkan Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Gombak, Petaling, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang.

"Turut terkesan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, selain Negeri Sembilan (Jelebu, Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah dan Rembau) serta Melaka (Alor Gajah) sehingga jam 5 petang. Amaran dikemas kini pada jam 2.50 petang dan 4 petang," katanya.

NADMA mengingatkan orang awam supaya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga, peka dengan keadaan sekeliling dan mengutamakan keselamatan diri ketika banjir berlaku.

Sementara itu, Info Trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi ciapan di laman Twitter rasminya memaklumkan banjir kilat turut melanda enam kawasan iaitu Terowong Tabung Haji, Terowong Chan Sow Lin, Jalan Pudu, Jalan Sri Permaisuri, Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang.

Dalam pada itu, ITIS DBKL tu-


rut memaklumkan Terowong SMART ditutup sepenuhnya bagi persediaan operasi banjir.

Sementara itu, banyak jalan ditutup susulan banjir kilat yang melanda kebanyakan kawasan ibu negara mengakibatkan kesesakan teruk di jalan-jalan utama.

ITIS DBKL memaklumkan kesesakan berlaku dari Bandar Tasik Selatan ke Desa Tun Razak; dari Ampang ke Ukay Perdana; dari Ukay Perdana ke Ampang bagi pengguna yang menggunakan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Aliran trafik juga perlahan dari Petronas/Shell TPM ke Tol Sungai Besi membabitkan laluan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.

Dalam pada itu, pengguna twitter turut berkongsi gambar dan video aliran trafik terjejas berikutan banjir di MRT Kuchai Lama yang sedang dalam pembinaan dengan banyak kenderaan ditenggelami air.



Banyak kenderaan ditenggelami air dalam kejadian banjir kilat di kawasan letak kereta berhampiran KLCC.

(Foto ihsan pembaca)



Banjir di Kampung Periuk, Kampung Baru akibat hujan lebat, petang semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)



Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Kelab Sultan Sulaiman dibuka dan kerja pemindahan dibantu anggota Ibu Pejabat Polis Daerah serta Balai Polis Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan FB NADMA)



Motosikal tenggelam dan orang ramai terpaksa mengharung air di sekitar Masjid Jamek, Kuala Lumpur.